

02/12/2000

SIC lepaskan hak penamaan GP Malaysia

Saufi Hamzah

SEPANG International Circuit (SIC) tidak akan mengekalkan hak penamaan (naming right) untuk perlumbaan Grand Prix Motosikal Malaysia bagi 2001 yang dijadualkan berlangsung pada 21 Oktober depan.

Keputusan itu dibuat kerana pengendali Litar F1 Sepang berkenaan mahu menumpukan aspek yang lebih penting iaitu jualan tiket berikutan rungutan orang ramai harga tiket tahun ini terlalu mahal.

Oleh itu, SIC akan menyerahkan hak penamaan untuk Grand Prix Malaysia 2001 kepada Dorna, iaitu badan yang bertanggungjawab sebagai pemegang hak kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia.

Menurut Pegawai Akhbar SIC, Azhar Ghazali, nama perlumbaan tahun depan akan ditentukan selepas Dorna mendapat mana-mana syarikat yang bersetuju menjadi penaja rasmi.

"Tahun ini SIC memegang hak penamaan perlumbaan kerana pada mulanya ada pihak yang berminat menjadi penaja rasmi," katanya ketika ditemui di Sepang, semalam.

Grand Prix Motosikal Malaysia tahun ini yang diadakan pada 2 April lalu, tidak mempunyai penaja rasmi. Setahun sebelum itu, sebuah syarikat rokok terkemuka, Marlboro menjadi penaja rasmi.

Kini, SIC boleh membuat promosi Grand Prix Motosikal Malaysia 2001 dengan lebih berkesan tanpa memikirkan siapa akan menjadi penaja rasmi.

Mengenai harga tiket, SIC turut sedang mengkaji harga tiket berikutan rungutan bahawa ia terlalu mahal.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga prihatin sehingga meminta Malaysia Airports Berhad (MAB) supaya mengkaji semula harga tiket.

Harga tiket bagi GP Malaysia kali ini ialah RM130 dan RM100 untuk grandstand dan tempat duduk terbuka bagi pakej tiga hari.

Harga tiket grandstand dan tempat duduk terbuka untuk menonton perlumbaan sehari (Ahad) masing-masing dijual dengan harga RM80 dan RM60.

Perlumbaan Grand Prix Motosikal Malaysia April lalu, disaksikan kira-kira 18,000 penonton - satu kemerosotan ketara daripada 25,000 yang menyaksikannya tahun lalu - sedangkan SIC mensasarkan jualan 40,000 tiket.

Dua hari pertama perlumbaan sejak Jumaat menunjukkan kehadiran paling buruk dengan tempat duduk grandstand tidak terusik.

Sementara itu, Marlboro Yamaha mengadakan ujian tertutup di Litar F1 Sepang, selama dua hari bermula semalam. Namun pelumba yang hadir bukan Max Biaggi dan Carlos Checa.

(END)